



PROGRAM DOKTOR PENDIDIKAN
(KEPIMPINAN DAN DASAR PENDIDIKAN)

FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI



SENARAI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Sekapur Sireh Seulas Pinang	3
Peraturan Universiti	4
Struktur Kursus	20
Sinopsis Kursus	22
Bidang dan Kepakaran	24



SEKAPUR SIREH SEULAS PINANG

MESEJ DARIPADA DEKAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Alhamdulillah, segala Puji bagi Allah. Saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya kita diberikan kerahmatan, kesihatan yang baik dan ruang masa dalam kehidupan seharian. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pelajar kerana menerima tawaran untuk melanjutkan pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang merupakan Universiti No. 1 Pendidikan.

Program Doktor Pendidikan (Kepimpinan dan Dasar Pendidikan) ini merupakan program Doktor Pendidikan yang pertama menawarkan bidang Kepimpinan dan Dasar Pendidikan di universiti tempatan di Malaysia. Justeru, program ini telah menjadi kebanggaan dan ikon kepada FPE dan UPSI. Sesuai dengan moto fakulti iaitu **LEADING FUTURE MINDS**, (Peneraju Pemikir Masa Hadapan), antara matlamat fakulti ini adalah untuk melahirkan lebih ramai pemimpin pendidikan yang berilmu, berkemahiran, berkualiti, beretika dan berketrampilan. Kualiti pemimpin seperti ini adalah penting demi menjamin dan mendepani keutuhan serta jati diri generasi akan datang.

Buku Panduan ini merupakan dokumen rujukan penting kepada para pelajar kerana membekalkan maklumat yang signifikan terhadap pelaksanaan Program Doktor Pendidikan (Kepimpinan dan Dasar Pendidikan) seperti peraturan akademik, struktur kursus, sinopsis kursus dan juga tenaga kepakaran dalam bidang-bidang berkaitan. Demi memastikan program Doktor Pendidikan UPSI adalah yang terbaik, unik dan mempunyai nilai tambah yang berimpak tinggi, program ini juga mengadakan tiga sesi kolokium yang diharap dapat membantu pelajar di dalam pengajian, di samping beberapa sesi program pembangunan professional yang melibatkan pakar-pakar jemputan daripada dalam dan luar negara. Justeru, adalah diharapkan agar para pelajar sentiasa peka terhadap maklumat dan sebarang perubahan terhadap struktur program.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan semoga para pelajar terus cemerlang dan gemilang bukan sahaja dari segi akademik malah sentiasa berakhlak mulia.

Sekian dan Selamat Maju Jaya.

DR. MOHD. ASRI MOHD NOOR

PERATURAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH DOKTOR PENDIDIKAN (ED.D)

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Perenggan 29, Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Program Pengajian Siswazah), Senat Universiti Pendidikan Sultan Idris menentukan peraturan berikut:

1. NAMA, MULA BERKUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

1.1 Peraturan ini dinamakan Peraturan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Program Pengajian Ijazah Doktor Pendidikan (Ed.D)) 2016.

1.2 Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris yang mengikuti Program Pengajian Siswazah.

2. TAKRIF

Dalam peraturan ini melainkan jika kandungan ayatnya mengehendaki makna yang lain:

“**Ahli Akademik**” bermakna tenaga pengajar Universiti yang bertugas sepenuh masa dan berjawatan tetap atau kontrak.

“**Fakulti**” bermakna mana-mana pusat pengajian yang menawarkan program akademik dan kursus-kursus.

“**Hadir Wajib**” bermakna mana-mana kursus atau aktiviti yang kedatangannya dimestikan.

“**Ijazah**” bermakna anugerah yang diberikan oleh Universiti kepada seseorang pelajar yang telah memenuhi syarat-syarat bergraduasi.

“**Institut Pengajian Siswazah**” bermakna pusat pengajian yang ditubuhkan oleh Universiti di bawah Seksyen 21(1) Perlembagaan Universiti untuk mengurus, mentadbir dan menyelaraskan pengendalian Program Pengajian Siswazah.

“**Jawatankuasa Pemeriksa Cadangan Penyelidikan**” bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Fakulti untuk meluluskan dan memperakukan cadangan penyelidikan pelajar.

“**Jawatankuasa Pemeriksa Disertasi**” bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Senat untuk menilai disertasi.

“**Jawatankuasa Pengajian Siswazah**” bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan di Universiti untuk menyelia Program Pengajian Siswazah yang dipengerusikan oleh Naib Canselor.

“**Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti**” bermakna jawatankuasa yang ditubuhkan di Fakulti untuk menyelia Program Pengajian Siswazah yang dipengerusikan oleh Dekan Fakulti berkenaan.

“**Kecurangan Akademik**” bermakna tindakan kepada pelajar yang melanggar Perkara 8 Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tatatertib Pelajar) 1999.

“**Kursus**” bermakna satu unit pengajian yang membawa kepada suatu bilangan jam kredit yang biasa ditawarkan dan diselesaikan dalam sesuatu semester.

“Kursus Audit” bermakna kursus yang diambil atas keperluan pengajian tetapi kredit kursus tidak dikira dalam pengiraan PNGK. Pelajar yang mengaudit kursus, wajib menghadiri semua kuliah/tutorial/amali dan menyiapkan semua tugas (wajib lulus) tetapi tidak perlu menduduki peperiksaan akhir (jika ada). Jika pelajar tidak memenuhi syarat kursus audit, nama pelajar akan digugurkan daripada senarai audit. [Senat Kali Ke-144 Bil.7/2016]

“Kursus Pengkhususan” adalah kursus-kursus yang dikenal pasti sebagai sesuatu bidang.

“Kursus Elektif” adalah kursus-kursus yang boleh dipilih daripada Kursus Kaedah Penyelidikan, Kursus Pendidikan dan Kursus Bidang Pengkhususan daripada mana-mana Fakulti.

“Kursus Kaedah Penyelidikan” ialah kursus-kursus Kaedah Penyelidikan yang ditetapkan oleh Universiti untuk pelajar mengambilnya.

“Kursus Pendidikan” adalah kursus-kursus berhubung dengan ilmu pendidikan yang ditawarkan oleh mana-mana Fakulti terutamanya Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia.

“Negara Serumpun” adalah negara yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan. Sebagai contoh negara Indonesia, Singapura, Brunei dan Selatan Thailand.

“Pelajar” bermakna seseorang yang telah mendaftar untuk mengikuti Program Pengajian Siswazah di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

“Pemeriksa Dalam” bermakna ahli akademik yang dicadangkan oleh Fakulti dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk menilai disertasi pelajar.

“Pemeriksa Luar” bermakna pakar dari luar Universiti diperakukan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Universiti dan dilantik oleh Senat untuk menilai disertasi pelajar.

“Penasihat Akademik” bermakna seseorang ahli akademik yang dilantik oleh Fakulti untuk menasihati hal-hal akademik seseorang pelajar.

“Pendaftaran Kursus” bermakna pendaftaran pelajar melalui sistem atas talian pada setiap awal semester berpandukan takwim yang diluluskan Senat.

“Pendaftaran Semester” bermakna pendaftaran pelajar melalui sistem atas talian pada setiap semester pengajian bagi mengaktifkan diri sebagai pelajar universiti.

“Penilaian” bermakna sebarang bentuk penaksiran untuk mengukur pencapaian akademik pelajar.

“Penyelia” bermakna ahli akademik yang dicadangkan oleh Fakulti dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah untuk menyelia disertasi pelajar.

“Penyelia Bersama/Penyelia Bersekutu” bermakna ahli akademik yang dilantik bersama-sama dengan Penyelia oleh Senat untuk menyelia penyelidikan dan penyediaan disertasi pelajar.

“**Program Pengajian**” bermakna kumpulan-kumpulan kursus, latihan dan penyelidikan atau gabungan kursus, latihan dan penyelidikan yang dirancang dan ditawarkan bagi memenuhi keperluan untuk anugerah Ijazah Kedoktoran yang diluluskan oleh Senat.

“**Senat**” bermakna badan tertinggi yang mempunyai kuasa muktamad ke atas segala hal akademik yang ditubuhkan menurut peruntukan seksyen 20(1) Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris 1998.

“**Sistem Maklumat Pelajar**” bermakna sistem yang dibina dan dikawal selia oleh IPS bagi tujuan penyimpanan data dan rekod pelajar.

“**Slip Pendaftaran**” bermakna slip yang mengandungi maklumat kursus yang didaftar oleh pelajar.

“**Struktur Program**” bermakna susunan program yang ditawarkan oleh Institut Pengajian Siswazah.

“**Disertasi**” bermakna laporan kajian akademik yang dikemukakan oleh pelajar siswazah bagi memenuhi syarat keperluan program pengajian Doktor Pendidikan.

“**Disertasi Mutakhir**” bermakna naskhah disertasi yang telah disempurnakan selepas lulus Viva Doktor Pendidikan.

“**Tempoh Pengajian**” bermakna tempoh masa yang ditetapkan kepada pelajar untuk melengkapkan struktur pengajian Kedoktoran.

“**Universiti**” bermakna Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS).

“**Viva**” bermakna peperiksaan lisan yang dianggotai Ahli Jawatankuasa Pemeriksa Disertasi.

“**Artikel Jurnal**” Koleksi kertas penyelidikan atau artikel ilmiah yang diterbitkan setelah disemak oleh sidang editor yang dilantik oleh suatu jawatankuasa atau badan bertauliah (artikel yang diterima untuk diterbitkan di mana-mana jurnal yang diiktiraf oleh IPS).

“**Penulis Pertama**” Kajian/penyelidikan yang dihasilkan dan dihantar/dibentangkan oleh pelajar dalam artikel jurnal/seminar atau persidangan (nama penulis yang pertama dalam penulisan).

“**Penulis Bersama**” Kajian/penyelidikan yang dihasilkan dan dibentangkan oleh individu yang beralamatkan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Individu dalam konteks ini ialah pensyarah/penyelia pelajar (nama berikutnya selepas nama pelajar).

“**Jurnal Berwasit**” Artikel yang diterbitkan telah melalui proses perwasitan (*review*) oleh beberapa orang pakar bidang yang dilantik oleh pihak jurnal.

3. KELAYAKAN MASUK

- 3.1 Ijazah Sarjana daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris atau daripada mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat; atau
- 3.2 Kelayakan lain yang dinilai wajar serta diiktiraf oleh Senat.
- 3.3 Memenuhi syarat-syarat khas program yang ditetapkan oleh Fakulti yang berkenaan jika berkaitan.
- 3.4 Calon pelajar antarabangsa disyaratkan lulus TOEFL 550 atau IELTS 6.0 kecuali siswazah yang mengambil bidang pengajian Bahasa Melayu atau bidang pengajian yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.
- 3.5 Calon daripada negara serumpun yang menghantar cadangan kajian di dalam Bahasa Inggeris wajib mengemukakan bukti IELTS atau TOEFL yang ditetapkan (*medium of instructions*) sewaktu membuat permohonan masuk ke UPSI. [Senat Kali Ke-136 Bil.11/2015]
- 3.6 Sekiranya di dalam tempoh pengajian, disertasi/tesis dibuat di dalam Bahasa Inggeris, pelajar perlu menghantar permohonan ke IPS melalui Fakulti sebelum dibawa ke Mesyuarat Senat bagi tujuan kelulusan. [Senat Kali Ke-136 Bil.11/2015]

4. PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian.
- 4.2 Permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan betul, dan mematuhi semua syarat atau keperluan seperti yang dinyatakan dalam borang berkenaan.
- 4.3 Universiti berhak menolak permohonan yang tidak mengikut syarat yang dikehendaki atau sampai lewat daripada tarikh tutup yang ditetapkan.

5. STRUKTUR PROGRAM

- 5.1 Pengajian melibatkan kursus dan penyediaan disertasi.

6. PENDAFTARAN

- 6.1 Pelajar hendaklah mendaftar semester dengan membayar yuran pada tarikh yang ditetapkan untuk setiap semester mengikut struktur program pengajian yang ditawarkan Universiti.
- 6.2 Pendaftaran semester hendaklah dibuat pada tarikh yang ditetapkan pada awal semester untuk membolehkan pelajar mengikuti kursus atau membuat penyelidikan seperti yang telah didaftarkan dalam semester berkenaan.
- 6.3 Kelewatan pendaftaran semester pada tarikh yang ditetapkan akan dikenakan denda.

7. PENANGGUHAN KEMASUKAN

- 7.1 Calon boleh membuat penangguhan kemasukan untuk tempoh satu (1) semester sahaja.
- 7.2 Permohonan penangguhan kemasukan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Institut Pengajian Siswazah dalam tempoh tujuh (7) minggu selepas hari kemasukan.
- 7.3 Sekiranya calon gagal untuk membuat permohonan penangguhan dalam tempoh yang ditetapkan, tawaran akan terbatal.

8. PENDAFTARAN KURSUS DAN DISERTASI

- 8.1 Calon hendaklah membuat pendaftaran kursus dan disertasi seperti yang ditawarkan mengikut syarat dan takwim yang ditetapkan oleh Senat.
- 8.2 Pendaftaran jam kredit adalah 12 jam kredit setiap semester.
- 8.3 Pelajar boleh mendaftar disertasi pada awal setiap semester selepas menyempurnakan 24 jam kredit.
- 8.4 Kelewatan pendaftaran selepas minggu kedua kuliah akan dikenakan denda.

9. PENANGGUHAN PENGAJIAN

- 9.1 Pelajar boleh membuat permohonan untuk menangguhkan pengajian dari Institut Pengajian Siswazah dengan sokongan Fakulti.
- 9.2 Kelulusan penangguhan pengajian tertakluk kepada persetujuan Dekan Institut Pengajian Siswazah.
- 9.3 Tempoh penangguhan pengajian adalah tidak boleh dua (2) semester berturut-turut kecuali atas sebab kesihatan.
- 9.4 Pelajar yang memohon penangguhan pengajian atas sebab kesihatan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan perakuan daripada Doktor Kerajaan atau Pegawai Perubatan Universiti atau Doktor Panel Universiti.
- 9.5 Permohonan penangguhan pengajian atas sebab lain daripada sebab kesihatan boleh juga dipertimbang dan diperakukan oleh Dekan Institut Pengajian Siswazah. Permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada minggu ke-7 takwim akademik semester berkenaan.
- 9.6 Tempoh pengajian dalam masa penangguhan atas sebab kesihatan tidak diambil kira dalam pengiraan tempoh pengajian maksimum program pengajian.
- 9.7 Semasa dalam penangguhan pengajian, pelajar hilang taraf sebagai pelajar Universiti sehingga mendaftar semula pengajiannya.
- 9.8 Pelajar yang menyambung pengajian selepas genap tempoh penangguhan yang diluluskan dikehendaki mendaftar semula.

10. PENAMBAHAN DAN PENGGUGURAN KURSUS

- 10.1 Pelajar dibenarkan menggugurkan kursus yang telah didaftarkan dalam masa tujuh (7) minggu daripada tarikh semester bermula.
- 10.2 Penambahan atau pengguguran kursus hendaklah memenuhi keperluan 12 jam kredit yang perlu diambil dalam suatu semester.
- 10.3 Kelewatan membuat penambahan kursus selepas minggu kedua atau pengguguran kursus selepas minggu ketujuh semester berkenaan akan dikenakan denda.

11. PEMBENTANGAN CADANGAN PENYELIDIKAN

- 11.1 Setiap pelajar hendaklah menyediakan dan membentangkan cadangan penyelidikan di peringkat Fakulti setelah mendapat perakuan daripada penyelia.
- 11.2 Cadangan penyelidikan perlu disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pemeriksa Cadangan Penyelidikan Fakulti.
- 11.3 Tempoh maksimum yang diberikan kepada Pelajar Ijazah Doktor Pendidikan (Ed.D) untuk membuat pembentangan cadangan penyelidikan ialah seperti berikut:

Status pengajian pelajar Ijazah Doktor Pendidikan	Pelajar perlu membuat pembentangan cadangan penyelidikan pada
Sepenuh Masa/Separuh Masa	*Semester mendaftar Disertasi (Semester 4)

* Nota: Sebelum semester berakhir

- 12.4 Status KURANG MEMUASKAN (KM) akan diberi kepada pelajar sekiranya masih belum membuat pembentangan cadangan penyelidikan selepas semester mendaftar Disertasi (bagi pelajar sepenuh masa dan bagi pelajar separuh masa), walaupun pelajar telah menghantar laporan kemajuan penyelidikan (LKPS) dan penyelia memberi status memuaskan. Berikut merupakan tahap penilaian pelajar yang ditetapkan:

Status pengajian pelajar Ijazah Doktor Pendidikan		Status yang akan diterima
Selepas semester kedua mendaftar Disertasi (sepenuh masa & separuh masa)	Kali Pertama	KM (Kurang memuaskan)
Selepas semester ketiga mendaftar Disertasi (sepenuh masa & separuh masa)	Kali Kedua	TM (Tidak memuaskan)
Selepas semester keempat mendaftar Disertasi (sepenuh masa & separuh masa)	Kali Ke- 3	TM dan diberhentikan (status TM dua kali berturut-turut)

- 12.5 Pelajar yang telah membuat pembentangan cadangan penyelidikan tetapi perlu membuat pindaan terhadap cadangan penyelidikan tersebut dan melakukan pembentangan kali kedua adalah tertakluk kepada tempoh masa seperti berikut:

Status pengajian pelajar Ijazah Doktor Pendidikan	Maksimum tempoh pembetulan dan pembentangan semula	Status yang akan diterima sekiranya gagal mengikut tempoh yang ditetapkan
Sepenuh masa & Separuh masa	Sebelum minggu keempat belas semester berikutnya	KM (Kurang memuaskan) – kali pertama
		TM (Tidak memuaskan) - kali kedua

13. TEMPOH PENGAJIAN

- 13.1 Tempoh pengajian bagi pelajar sepenuh masa adalah *minimum empat (4) semester (2 tahun) dan maksimum sepuluh (10) semester (5 tahun).
- 13.2 Tempoh pengajian bagi pelajar separuh masa adalah minimum enam (6) semester (3 tahun) dan maksimum empat belas (14) semester (7 tahun).
* Tempoh ini adalah sehingga peringkat penyerahan disertasi.
- 13.3 Pertukaran status pengajian dibenarkan **dua (2) kali** sahaja sepanjang tempoh pengajian. Pihak Universiti berhak ke atas penawaran status pengajian yang ditawarkan pada setiap semester. [Mesyuarat Senat Kali Ke-121 Bil.8/2014]
- 13.4 Permohonan pertukaran status pengajian perlu dilakukan selewat-lewatnya sebelum semester akhir bermula.

14. KEHADIRAN KULIAH

- 14.1 Pelajar dikehendaki hadir semua pertemuan yang ditentukan bagi sesuatu kursus berbentuk kuliah atau tutorial, termasuk Hadir Wajib (HW) yang ditentukan oleh fakulti.
- 14.2 Pelajar yang tidak memenuhi peraturan di atas bagi mana-mana kursus tanpa sebab-sebab yang boleh diterima oleh Senat, tidak dibenarkan menduduki peperiksaan untuk kursus berkenaan.
- 14.3 Pelajar yang tidak memenuhi 80% kehadiran kuliah atau tutorial akan dihalang daripada mengambil peperiksaan.
- 14.4 Pelajar diwajibkan berjumpa penyelia mengikut kekerapan yang ditentukan oleh Fakulti dan merekodkan pertemuan tersebut.
- 14.5 Di akhir setiap semester, pelajar perlu menghantar Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah ke Fakulti untuk dimajukan ke Institut Pengajian Siswazah.
- 14.6 Kegagalan pelajar memenuhi keperluan di atas akan diberikan status Tidak Memuaskan (TM). Status TM dua (2) semester berturut-turut akan diberikan status Gagal dan Diberhentikan.

15. PEMINDAHAN KREDIT

- 15.1 Pelajar boleh memohon untuk mendapatkan pemindahan kredit bagi kursus-kursus daripada mana-mana institusi yang diperakui oleh Senat.
- 15.2 Kelulusan untuk pemindahan kredit akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti.
- 15.3 Jumlah pemindahan kredit maksimum adalah dua belas (12) kredit kecuali kursus Kaedah Penyelidikan.
- 15.4 Kursus yang ingin dipindahkan kredit mesti mempunyai gred minimum "B" dan tempoh kursus yang diambil tidak melebihi lima (5) tahun daripada tarikh permohonan dibuat.
- 15.5 Kursus yang dipohon perlu setara sekurang-kurangnya 75% daripada segi kandungan kursus dengan kursus yang perlu diambil di UPSI.
- 15.6 Fakulti menentukan kelulusan jenis kursus yang boleh dibenarkan untuk perpindahan kredit.
- 15.7 Bagi pelajar yang menukar program, gred bagi kursus yang tidak berkaitan akan digugurkan.
- 15.8 Bagi pelajar yang menarik diri daripada pengajian, mereka boleh mendaftar semula sebagai pelajar baru tetapi tidak boleh membuat pemindahan kredit. Pindah kredit hanya dibenarkan kepada pelajar yang telah mempunyai Ijazah Sarjana & ingin mendaftar Program Sarjana yang lain pula.

16. DISERTASI

- 16.1 Disertasi hendaklah tidak kurang daripada 50,000 patah perkataan dan tidak melebihi 60,000 patah perkataan. [Mesyuarat Senat Kali Ke-141 Bil.4/2016]
- 16.1 Disertasi hendaklah disediakan menurut format dan gaya penulisan yang ditentukan oleh Universiti.
- 16.2 Disertasi boleh ditulis dalam Bahasa Melayu atau dalam Bahasa Inggeris. Abstrak hendaklah ditulis dalam kedua-dua bahasa.
- 16.3 Sesuatu Disertasi yang telah diterima untuk penganugerahan ijazah dari universiti lain tidak boleh diterima untuk penganugerahan ijazah untuk Universiti ini.
- 16.4 Seseorang pelajar yang mengikuti struktur program ini yang bercadang menyerahkan disertasinya untuk diperiksa hendaklah:
 - 16.4.1 menghantar notis berserta bukti pembayaran yuran pemeriksaan disertasi kepada IPS dengan menggunakan borang khas sekurang-kurangnya tiga (3) bulan lebih awal daripada tarikh penyerahan disertasi untuk diperiksa dengan persetujuan penyelia (setelah disertasi disiapkan sebanyak 80%).
 - 16.4.2 menyerahkan enam (6) naskhah disertasi yang berkulit lembut berjilid untuk pemeriksaan berserta laporan *turnitin*.

16.5 Pelajar hendaklah menyerahkan empat (4) naskhah Disertasi Mutakhir yang telah diperiksa dan formatnya diluluskan oleh Institut Pengajian Siswazah, berjilid dan dua (2) salinan cakera padat (CD) dalam format PDF, sebelum bergraduasi.

16.6 Pelajar boleh menerbitkan hasil penyelidikannya dengan syarat dipersetujui oleh penyelia dan mengandungi penghargaan yang sepatutnya kepada Universiti.

16.7 Hasil kajian dan disertasi adalah hak milik Universiti.

17. KEPERLUAN PENERBITAN

17.1 Pelajar wajib menghasilkan dua (2)* artikel jurnal/artikel-referic sebelum layak bergraduasi. Pelajar mestilah menjadi penulis utama.

* telah diterima untuk diterbitkan.

18. PENYELIAAN DISERTASI

18.1 Senat hendaklah melantik ahli akademik dari mana-mana Fakulti sebagai Penyelia dan/atau Penyelia Bersama dan/atau Penyelia Bersekutu daripada mana-mana IPTA atau institusi lain yang berwibawa untuk menyelia penyelidikan dan penyediaan disertasi.

18.2 Pelantikan Penyelia/Penyelia Bersama/Bersekutu hendaklah diperakukan oleh Fakulti dan diluluskan Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

(Sila rujuk Garis Panduan Penyeliaan Program Pengajian Siswazah Universiti Pendidikan Sultan Idris untuk maklumat lebih terperinci berkaitan penyeliaan di **Lampiran A**).

18.3 Pertukaran Penyelia dibenarkan dengan sokongan daripada Fakulti dan persetujuan penyelia asal dan penyelia baru serta, diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

18.4 Penyelia Bersama/Bersekutu boleh terdiri daripada ahli akademik universiti luar dan/atau pakar dari organisasi luar.

18.5 Pelajar hendaklah mengemukakan Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah pada setiap semester sepanjang tempoh pengajiannya kepada pihak Fakulti dan dimajukan ke IPS menggunakan kaedah yang ditetapkan Institut Pengajian Siswazah.

19. PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN

19.1 Seorang pelajar mesti menjelaskan segala yuran pengajian sebelum dibenarkan mengambil sebarang peperiksaan.

19.1.1 Peperiksaan Kursus

19.1.1.1. Peperiksaan bagi kursus terdiri daripada peperiksaan bertulis, projek, penilaian pembentangan seminar dan lain-lain yang dianggap sesuai dengan kursus.

19.1.1.2. Pelajar semester akhir yang gagal satu kursus dibenarkan menduduki Peperiksaan Khas dalam masa empat (4) minggu selepas keputusan diumumkan.

19.1.1.3. Peperiksaan Gantian boleh diberikan kepada pelajar yang tidak dapat mengambil peperiksaan yang telah ditetapkan atas sebab-sebab kecemasan dalam masa dua (2) minggu selepas minggu peperiksaan berakhir dengan kelulusan Dekan IPS melalui Dekan Fakulti.

19.2 Peperiksaan Disertasi

19.2.1 Disertasi akan diperiksa oleh seorang (1) pemeriksa dalaman dan seorang (1) pemeriksa luar yang dilantik oleh Senat Universiti berdasarkan pencalonan dari Fakulti. [Senat Kali ke-141 Bil 4/2016]

19.2.2 Penyelia boleh hadir sebagai pemerhati serta memberi pandangan (jika perlu) kepada Jawatankuasa Viva.

19.2.3 Urusan pengendalian viva hendaklah dibuat oleh Institut Pengajian Siswazah.

19.2.4 Laporan penilaian disertasi oleh Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar hendaklah berpandu kepada Borang Penilaian Disertasi.

19.2.5 Laporan Pemeriksa Dalam dan Pemeriksa Luar hendaklah dihantar ke Institut Pengajian Siswazah sebelum Viva diadakan.

19.2.6 Ahli Jawatankuasa Viva terdiri daripada:

- Pengerusi: Timbalan Naib Canselor / Pensyarah terdiri daripada kalangan Profesor / Profesor Madya yang mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman (bidang yang berbeza) yang dilantik oleh IPS
- Ahli: Dekan Fakulti atau wakilnya
- Ahli: Pemeriksa Dalam
- Ahli: Pemeriksa Luar
- Ahli: Dekan IPS atau wakilnya (wakil adalah yang dilantik dalam kalangan ahli akademik di luar Fakulti calon yang dinilai)
- Setiausaha: Pegawai Tadbir IPS
(Nota: Minit pembetulan dicatat oleh penyelia dan disahkan oleh pengerusi) [Senat Kali Ke-136 Bil.11/2015]

Catatan: Minimum satu (1) orang pemeriksa mesti hadir. Bagi yang tidak hadir, laporan akan dibaca oleh pengerusi.

19.2.7 Perakuan penilaian disertasi oleh Jawatankuasa Viva hendaklah dibentangkan untuk kelulusan Senat bagi:

- menganugerahkan Ijazah Kedoktoran kepada pelajar tanpa pindaan kepada disertasi; atau

- menganugerahkan Ijazah Kedoktoran kepada pelajar tertakluk kepada pembetulan kesilapan kecil seperti kesilapan taip, ejaan, tanda baca, memperjelaskan fakta, hujah dan kesimpulan seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Viva. Calon diberi masa tidak melebihi tiga (3) bulan untuk memperbaikinya. Pembetulan disertasi hanya perlu disahkan oleh Penyelia sahaja; atau
- menganugerahkan Ijazah Kedoktoran kepada pelajar tertakluk kepada pembetulan kesilapan sederhana besar seperti memperjelaskan fakta, hujah dan kesimpulan serta menulis semula sebahagian daripada disertasi seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Viva. Calon diberi masa tidak melebihi enam (6) bulan untuk memperbaikinya. Pembetulan disertasi hanya perlu disahkan oleh Penyelia dan Pemeriksa Dalam jika diputuskan dalam Jawatankuasa Viva; atau
- menganugerahkan Ijazah Kedoktoran kepada pelajar tertakluk kepada pembetulan kesilapan besar seperti menganalisis semula data, membuat semula kesimpulan dan menulis semula sebahagian disertasi. Disertasi yang diperbaiki ini perlu diperiksa semula dan diperakukan oleh Jawatankuasa Viva. Calon diberi masa tidak melebihi dua belas (12) bulan untuk membuat pindaan; atau
- Gagal dan tidak dianugerahkan Ijazah Kedoktoran.

19.2.8 Gred Disertasi

Gred berikut boleh diberi untuk pencapaian sesuatu disertasi:

- a) Lulus, atau
- b) Gagal

19.2.9 Jawatankuasa Pemeriksa boleh memperakukan supaya Disertasi yang mencapai taraf tinggi dianugerahi gred Lulus Cemerlang.

19.3 Tempoh masa penghantaran semula disertasi untuk pembetulan 12 bulan [Mesyuarat Senat Kali Ke-121 Bil.8/2014]

19.3.1 Penghantaran semula disertasi kepada pihak IPS untuk diserahkan kepada pemeriksa adalah selepas **enam (6) bulan** viva berlangsung.

19.3.2 Pelajar perlu memastikan setiap pembetulan yang dinyatakan oleh pemeriksa dibuat sepenuhnya. Penyelia juga dengan tempoh masa yang ada dapat menyemak disertasi pelajar dengan lebih terperinci.

20. PENGANUGERAHAN IJAZAH

20.1 Nama ijazah yang dianugerahkan ialah Ijazah Kedoktoran (mengikut bidang yang berkaitan).

20.2 Penganugerahan ijazah ini adalah tertakluk kepada:

20.2.1 Memenuhi kesemua syarat-syarat bergraduat bagi program pengajian yang ditetapkan;

20.2.2 Lulus kesemua kursus yang ditetapkan.

20.2.3 Mencapai sekurang-kurangnya PNGK 3.00.

20.2.4 Lulus Disertasi.

20.3 Keputusan peperiksaan seseorang pelajar hendaklah mendapat pengesahan Senat Universiti.

21. SISTEM PENGREDAN

21.1 Pelajar akan diberi gred dan nilai bagi setiap kursus seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1 : Sistem Penggredan Kursus

MARKAH	GREDE	NILAI
80-100	A	4.00
75- 79	A-	3.75
70-74	B+	3.45
65-69	B	3.00
60-64	C+	2.75
59 dan ke bawah	F	0.00

21.2 Status yang berikut juga diberikan:

TL : Tidak Lengkap
SM : Sedang Maju
TM : Tidak Memuaskan
AU : Audit
X : Dihalang/ Lewat hadir peperiksaan
KA : Kecurangan Akademik
G : Gugur
KM : Kurang Memuaskan
XAU : Tidak Memenuhi Syarat Audit

NOTA:

- Gred F diberi jika pelajar siswazah tidak mengambil peperiksaan (bagi kursus yang mempunyai peperiksaan akhir) atau tidak memenuhi pemberatan kursus yang telah ditetapkan atas sebab yang tidak dapat diterima oleh Senat Universiti.
- Status X diberi jika pelajar dihalang daripada mengambil peperiksaan atas sebab kehadiran dalam kuliah atau tutorial kurang daripada 80%.
- Status X diberi jika pelajar siswazah lewat 30 minit dihalang memasuki dewan peperiksaan tanpa sebab yang munasabah.
- Status TL boleh diberi jika pelajar siswazah tidak melengkapkan mana-mana keperluan tugasan bagi sesuatu kursus kecuali peperiksaan atau ujian dan perlu dilengkapkan sebelum minggu kedua semester berikutnya, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- Permohonan untuk mendapatkan status TL hendaklah dikemukakan kepada Dekan Institut Pengajian Siswazah setelah mendapat persetujuan pensyarah berkenaan dan dibuat sebelum berakhirnya minggu ke-12 semester berkenaan; dan
 - Status TL hendaklah ditebus dalam tempoh yang ditetapkan oleh Dekan Institut Pengajian Siswazah.
- e) Status SM/TM akan diberi jika pelajar mendaftar kursus secara berpanjangan atau dalam proses menyediakan disertasi secara memuaskan (SM) atau tidak memuaskan (TM).
- f) Status AU akan diberi kepada pelajar yang mendaftar kursus secara audit.
- g) Pelajar yang mendapat Status X boleh menduduki Peperiksaan Gantian dengan kelulusan Dekan Institut Pengajian Siswazah
- h) Pelajar semester akhir pengajian yang memerlukan pengijazahan dibenarkan menduduki Peperiksaan Khas dengan kelulusan Dekan Institut Pengajian Siswazah.
- i) Pelajar yang mendapat Status X dan tidak mendapat kebenaran menduduki semula Peperiksaan Gantian akan dikira sebagai Gagal.
- j) Bagi pelajar yang menukar program, status G akan diberikan kepada kursus yang tidak setara dengan kursus baharu.
- k) Pelajar lulus lemah (gred C+) boleh mengulang kursus berkenaan untuk memperbaiki PNGKnya dan gred terbaik akan menggantikan gred lama. Gred lama akan direkodkan dan nilainya tidak diambil kira dalam pengiraan PNGK.
- l) Sistem pengiraan PNGS dan PNGK:

PNGS:
$$\frac{\text{Jumlah Nilai Gred Satu Semester}}{\text{Jumlah Nilai Kredit Yang Diambil Pada Semester Berkenaan}}$$

PNGK:
$$\frac{\text{Jumlah Nilai Gred Keseluruhan Semester}}{\text{Jumlah Nilai Kredit Yang Diambil Pada Semua Semester}}$$

22. SYARAT-SYARAT UNTUK MENERUSKAN PENGAJIAN

22.1 Taraf Lulus

- Pelajar yang mendapat PNGK 3.00 atau lebih dalam semester berkenaan adalah dianggap Lulus dan layak meneruskan pengajian ke semester berikutnya.
- Menunjukkan kemajuan memuaskan dalam penyediaan disertasi dan mendapat status Sedang Maju (SM) pada setiap semester.

22.2 Meneruskan pengajian ke peringkat Disertasi

- Pelajar boleh mendaftar disertasi pada awal setiap semester selepas menyempurnakan 24 jam kredit.

22.3 Taraf Lulus Bersyarat

- Pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 3.00 dan sekurang-kurangnya 2.00 pada akhir semester berkenaan adalah Lulus Bersyarat.

22.4 Taraf Gagal

- Pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 2.00 dalam sesuatu semester adalah Gagal dan Diberhentikan;
- Pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 3.00 atau Lulus Bersyarat (LB) dalam dua (2) semester berturut-turut adalah Gagal dan Diberhentikan.

22.5 Mengulang Kursus

- Pelajar yang mendapat gred C+ dalam mana-mana kursus boleh mengulang kursus berkenaan untuk memperbaiki PNGK dan gred terbaik akan menggantikan gred lama.
- Pelajar yang gagal mana-mana kursus (gred F) hendaklah mengulang kursus tersebut pada semester berikutnya. Hanya dua kali pengulangan dibenarkan dan gred terbaik (C+ ke atas) akan menggantikan gred lama. [Senat Kali Ke-144 Bil.7/2016].
- Pengulangan kursus seperti di atas tidak terguna pakai bagi Kertas Projek dan Internship. [Senat Kali Ke-144 Bil.7/2016]

23. PEMBERHENTIAN PENGAJIAN

23.1 Senat berhak memberhentikan seseorang pelajar yang didapati memberi maklumat palsu bersabit dengan kemasukannya ke Universiti.

23.2 Pelajar boleh diberhentikan bila-bila masa dari Universiti atas mana-mana sebab berikut:

- Pelajar yang mendapat PNGK kurang daripada 2.00 dalam mana-mana semester adalah Gagal dan akan diberhentikan dari Universiti.
- Pelajar bertaraf Lulus Bersyarat (LB) mengikut keputusan peperiksaan semester yang baru lalu, yang masih tidak mencapai taraf Lulus dalam semester berikutnya adalah Gagal dan akan diberhentikan dari Universiti.
- Pelajar yang tidak memperlihatkan peningkatan kemajuan dalam penyediaan Disertasi setelah diberi dua (2) amaran bertulis oleh Dekan Fakulti.
- Pelajar yang tidak memperlihatkan peningkatan kemajuan dalam penyediaan Disertasi dan mendapat status TM selama dua (2) semester berturut-turut.

- Melebihi tempoh masa untuk sesuatu program pengajian.
- Gagal untuk menjelaskan yuran pengajian atau bayaran lain dalam masa yang ditetapkan.
- Didapati melanggar Peraturan Universiti.

23.3 Pelajar yang menerima status **Gagal dan Diberhentikan** dan **Diberhentikan** boleh membuat rayuan ke Universiti melalui Fakulti secara bertulis dan bertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

23.4 Rayuan perlu dibuat dalam tempoh tiga (3) minggu daripada tarikh surat pemberitahuan pemberhentian atau selepas kelulusan Mesyuarat Senat. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh yang disebut tidak akan dipertimbangkan.

23.5 Rayuan hendaklah disertakan dengan bayaran yang ditetapkan dan bayaran ini tidak boleh dituntut balik.

24. GUGUR STATUS SEBAGAI PELAJAR [Mesyuarat Senat Kali Ke-118 Bil.5/2014]

24.1 Status seseorang pelajar universiti akan gugur sekiranya tidak mendaftar semester, mendaftar kursus atau membuat penangguhan pengajian secara bertulis kepada pihak Institut Pengajian Siswazah selepas berakhir minggu **ketujuh (7)** semester.

24.2 Pelajar yang gugur statusnya boleh merayu kepada pihak Institut Pengajian Siswazah untuk meneruskan pengajian pada semester berikutnya dan semester gugur statusnya diambil kira sebagai tempoh pengajian.

24.3 Pelajar yang diluluskan untuk meneruskan pengajian diminta untuk membayar kos pentadbiran (*administrative fee*) kepada pihak Universiti.

25. PERATURAN KEWANGAN UNIVERSITI

25.1 Yuran hendaklah dijelaskan sepenuhnya sebelum semester bermula.

25.2 Pelajar boleh menuntut bayaran balik yuran jika pelajar menarik diri daripada pengajian untuk sesuatu semester dengan mengemukakan surat kelulusan dari Institut Pengajian Siswazah.

25.3 Kadar bayaran balik yuran adalah seperti berikut:

JENIS YURAN	KURANG 60 HARI*	MELEBIHI 60 HARI*
Yuran Pengajian	50%	Tiada bayaran balik

*Nota : Dikira daripada tarikh pendaftaran

25.4 Yuran berikut tidak dibayar balik kepada pelajar:

- Yuran Suai Kenal / Pendaftaran

25.5 Tuntutan lain dari Universiti seperti denda dan bayaran ganti rugi kerosakan Kolej Kediaman perlu dijelaskan oleh pelajar dalam tempoh pengajian.

- 25.6 Universiti berhak membuat tuntutan kesemua yuran tertunggak walaupun pelajar berkenaan telah berhenti dari Universiti. Segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Universiti untuk urusan tersebut perlu ditanggung oleh pelajar.
- 25.7 Pelajar yang pernah mengikuti pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris pada peringkat diploma atau Ijazah Sarjana Muda, bayaran yuran bagi semester pertama akan dikecualikan yuran Alumni sebanyak RM100.00. Pelajar perlu memaklumkan kepada pihak Bendahari berkenaan maklumat pelajar dan disertakan salinan skrol pengajian sebelumnya.
- 25.8 Bagi pelajar yang menangguh semester sebelum minggu ke-7 takwim akademik, yuran dan bayaran lain akan dibawa ke semester berikutnya.
- 25.9 Surat pengesahan/kelulusan dari Institut Pengajian Siswazah hendaklah diperoleh terlebih dahulu dan dikemukakan kepada Bendahari semasa membuat tuntutan.

26. PERUNTUKAN AM

- 26.1 Senat berhak mengambil tindakan sewajarnya ke atas pelajar yang didapati bersalah mengemukakan maklumat palsu tentang kemasukan ke Universiti.
- 26.2 Senat, atas budi bicaranya, boleh membenarkan sebarang pengecualian yang dianggap munasabah atau meminda apa-apa peraturan yang sesuai untuk dikuatkuasakan demi kebaikan Universiti.
- 26.3 Segala keputusan Senat berhubung kes rayuan oleh pelajar akan diuruskan oleh Institut Pengajian Siswazah.
- 26.4 Pelajar bertanggungjawab untuk memahami dan mematuhi semua peraturan yang terkandung di dalam Buku Peraturan Akademik Program Pengajian Siswazah.

STRUKTUR KURSUS

SEMESTER 1

Kod	Kursus	Kredit	Total
PPP70504	Analisis Dasar Pendidikan Lanjutan	4	12
PPP70404	Pengajian Kepimpinan Pendidikan Lanjutan	4	
PPP70804	Seminar Isu-isu Semasa dalam Pendidikan	4	

SEMESTER 2

Kod	Kursus	Kredit	Total
PPU70104	Metodologi Penyelidikan Lanjutan	4	12
PPP71004	Mengurus Perubahan dan Inovasi dalam Pendidikan	4	
PPP70904	Pengurusan dan Tadbir Urus dalam Pendidikan	4	

SEMESTER 3

Kod	Kursus	Kredit	Total
PPU70204	Analisis Data Kuantitatif Lanjutan ATAU	4	12
PPU70304	Analisis Data Kualitatif Lanjutan		
PPP71304	Pengurusan Strategik dan Pengurusan Prestasi	4	
PPP70704	Falsafah Pendidikan	4	

* Kolokium pertama

SEMESTER 4

Kod	Kursus	Kredit	Total
PPP70604	Konsep dan Penulisan kertas cadangan penyelidikan	4	44
PPP71640	Disertasi	40	

* Kolokium kedua

SEMESTER 5 DAN 6

Kod	Kursus	Kredit	Total
PPP71640	Disertasi	40	40

* Kolokium ketiga

*Kolokium EdD akan diadakan sebanyak 3 kali sepanjang tempoh pengajian. Kolokium akan diadakan pada semester 3, 4 dan 5. Kolokium pertama adalah bertujuan membantu pelajar menyediakan dan mempertahankan kertas cadangan penyelidikan. Kolokium kedua adalah bagi membantu pelajar menyiapkan kertas kerja untuk penerbitan dalam jurnal berwasit. Manakala kolokium ketiga adalah untuk membantu pelajar mempertahankan disertasi (pra-viva).

SINOPSIS KURSUS

PPP70504 Analisis Dasar Pendidikan Lanjutan

Kursus ini memberi fokus kepada pembentukan dasar-dasar pendidikan dalam hubungan dengan isu-isu sosial dan politik dalam konteks penjanaaan dasar-dasar awam bagi memenuhi falsafah kerangka pembangunan negara. Kursus ini memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan rangka pemikiran analitikal yang menjurus kepada pemikiran kritikal dan menggunakan kaedah penelitian yang sistematik bagi mengkaji isu, cabaran dan perubahan yang berlaku dalam perkembangan organisasi. Pendekatan-pendekatan yang digunakan adalah untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan organisasi.

PPP70404 Pengajian Kepimpinan Pendidikan Lanjutan

Kursus ini membincangkan tentang konsep, teori-teori, model dan unsur-unsur kepemimpinan pada peringkat lanjutan. Kursus ini juga memberi fokus kepada aspek peranan dan keberkesanan pemimpin. Pelajar juga diperkenalkan kepada kemahiran komunikasi, pembuat keputusan, menyelesaikan konflik isu-isu semasa dan kesan globalisasi terhadap kepemimpinan pendidikan dan cabaran dalam kepemimpinan pendidikan.

PPP70804 Seminar Isu-isu Semasa dalam Pendidikan

Kursus ini disediakan bagi membolehkan pelajar untuk berdebat, menganalisis dan meneliti isu-isu pendidikan semasa yang baru muncul di Malaysia dan pada peringkat antarabangsa. Kursus ini juga membolehkan pelajar menggunakan kemahiran analitikal semasa membincangkan isu pendidikan semasa secara kritikal.

PPU70104 Metodologi Penyelidikan Lanjutan

Kursus ini memberi fokus kepada rekabentuk penyelidikan kuantitatif yang terdiri dari kedua-dua eksperimental dan kawalan statistik. Aspek-aspek teoretikal, andaian-andaian, rekabentuk kajian, persampelan, ujian statistik dan interpretasi output turut dibincangkan. Pelbagai rekabentuk penyelidikan juga akan dibentangkan.

PPP71004 Mengurus Perubahan dan Inovasi dalam Pendidikan

Kursus ini bertujuan menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan kompetensi bagaimana menerajui dan mempengaruhi ahli organisasi melibatkan diri dan melaksanakan perubahan organisasi. Pelajar akan didedahkan dengan pelbagai model perubahan dan konsep penting dalam pengurusan perubahan seperti kompetensi kepimpinan perubahan, kepercayaan perubahan, sikap terhadap perubahan, penentangan terhadap perubahan, strategi dan langkah mengurus perubahan. Kreativiti dan inovasi dalam perubahan organisasi, hubungan antara perubahan dan budaya organisasi dan bagaimana melestarikan keberkesanan perubahan juga merupakan fokus penting. Pada akhir kursus ini, pelajar juga belajar bagaimana menilai keberkesanan perubahan dan khususnya mengenal pasti ciri-ciri organisasi yang berjaya menerajui perubahan melalui kajian kes.

PPP70604 Konsep dan Penulisan Kertas Cadangan Penyelidikan

Kursus ini akan menyediakan pengalaman sebenar pelajar dalam mengaplikasikan teori, konsep, pendekatan dan pengetahuan untuk menyediakan cadangan penyelidikan yang sebenar. Aspek-aspek penyediaan cadangan penyelidikan seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kajian literatur, reka bentuk kajian, persampelan, limitasi kajian, instrumen kajian, ujian statistik dan interpretasi output akan dibincangkan dan dihasilkan. Kertas cadangan penyelidikan akan disiapkan dan dibentangkan.

PPP70904 Pengurusan dan Tadbir Urus dalam Pendidikan

Kursus ini bertujuan untuk menyediakan satu pendekatan integrasi kepada pentadbiran dan tadbir urus dalam era perubahan yang pantas. Pelajar akan didedahkan dan dibentuk supaya mempunyai apresiasi kepada corak pentadbiran akademik yang kompleks termasuk keterampilan pentadbir, inisiatif dan isu serta pelbagai pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang diperlukan untuk menjadi pentadbir yang berkesan.

PPU70204 Analisis Data Kuantitatif Lanjutan

Kursus ini mengkaji aspek-aspek utama metodologi penyelidikan dan statistik. Antara teknik multivariat yang akan diterokai termasuklah ANCOVA, regresi multivariat dan hierarchal, dan MANCOVA, faktor analisis dan Pemodelan Persamaan Struktur. Pelajar juga dikehendaki untuk menjalankan analisis (termasuk penilaian andaian berparameter) menggunakan perisian statistik seperti SPSS dan Amos atau EQS. Pelajar dikehendaki untuk menunjukkan kecekapan praktikal mereka dalam tugas dan digalakkan untuk mengambil bahagian dalam forum-forum perbincangan yang berterusan dan dibentuk untuk membantu pembelajaran mereka. Kursus ini juga disokong oleh dua bengkel (tugas) sepanjang semester di mana pelajar boleh mendapat pemahaman yang lebih lanjut berkaitan analisis multivariat dan peranannya dalam penyelidikan kontemporari.

PPU70304 Analisis Data Kualitatif Lanjutan

Kursus ini memberi fokus kepada cara-cara mengurus, menganalisis dan menginterpretasi data dalam menjalankan kajian kualitatif. Penekanan juga diberi kepada analisis data kualitatif melalui bantuan komputer, cara-cara mempersembahkan data melalui matriks dan jaringan, etika dan cara menulis laporan.

PPP71304 Pengurusan Strategik dan Pengurusan Prestasi

Kursus ini memberi pengetahuan mendalam berkaitan perancangan strategik dan pengurusan prestasi dengan memberi penekanan kepada penyediaan, pelaksanaan dan mengukur strategi. Pelajar juga didedahkan dengan contoh-contoh sebenar daripada dunia perniagaan yang boleh dijadikan contoh dalam organisasi pendidikan.

PPP70704 Falsafah Pendidikan

Kursus ini memberi penekanan kepada perbezaan-perbezaan falsafah pendidikan dan kepentingan falsafah pendidikan kepada masyarakat. Selain itu kursus ini juga memberi penekanan kepada teori falsafah pendidikan termasuk bagaimana pendidikan perlu diajar dan dipelajari.

PPP71504 Proseminar Kedoktoran dalam Kepimpinan Pendidikan

Kursus ini mentadbir pelajar untuk mengkaji dan menerbitkan artikel di dalam jurnal berkaitan bidang kajian mereka. Penerbitan artikel adalah sebahagian daripada program pengajian untuk mendapatkan Ijazah Kedoktoran dalam Kepimpinan dan Dasar Pendidikan. Artikel yang diterbitkan akan membolehkan pelajar menunjukkan penguasaan bidang pilihan pengajian dan memberi sumbangan yang asal kepada bidang itu.

PPP71404 Kepimpinan dan Organisasi Pendidikan

Kursus ini menghubungkan peranan pemimpin dalam menggalakkan pembentukan organisasi berpengetahuan. Proses pembentukan organisasi berpengetahuan diberi penekanan dalam kursus ini yang meliputi pengetahuan tacit, asset pengetahuan, modal intelek dan komunikasi..

PPP71640 Disertasi

Tugas ini akan meningkatkan kemahiran pelajar menganalisis secara kritis, mensintesis ilmu dan meningkatkan kemahiran dalam menyelesaikan masalah dalam menjalankan penyelidikan pendidikan.

JABATAN PENGURUSAN PENDIDIKAN BIDANG DAN KEPAKARAN



Prof. Dr. Hamidah Yusof

(hamidah.yusof@fpe.upsi.edu.my)

Ph.D Edu Admin (Uni of Wisconsin, USA); M.Sc Edu Admin (Uni of Wisconsin, USA); MA Edu (UKM); BA (Geog) Hons (UKM); Dip in Edu (UKM)

Bidang penyelidikan: Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan; Dasar dan Perancangan Pendidikan; Kepimpinan dan Kepengetuaan



Prof. Dr. Omar Abdull Kareem (omar@fpe.upsi.edu.my)

Ph.D HRD (Virginia Tech, USA); M.Ed (UM); B.Ed (UPM); Dip in T&D (Auckland, NZ); Cert in Edu (MPTI)

Bidang penyelidikan: Kepimpinan Pendidikan; Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia



Prof Madya Dr. Jamal@Nordin Yunus

(jamal@fpe.upsi.edu.my)

Ph.D Edu Mgmt (UUM); M.Ed Edu Planning (USM); BA.Ed (Geog) Hons (USM)

Bidang penyelidikan: Organisasi Pembelajaran; Kepimpinan; Prestasi dan Efikasi Kendiri; Komitmen Guru; Kaedah Penyelidikan



Prof Madya Dr. Marinah Awang (marinah@fpe.upsi.edu.my)

Ph.D Mgmt (Uni of Stirling, Scotland, UK); M.Sc (HRD) (UPM); BA. Hons (UKM); Dip in Edu (Uni of Western Australia, Australia)

Bidang penyelidikan: Pengurusan Pengetahuan; Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia; Keselamatan dan Kesihatan; Pengurusan Risiko



Prof Madya Dr. Khuan Wai Bing (khuan.wb@fpe.upsi.edu.my)

Ph.D Extension Edu (UPM); M. Tech Mgmt (UTM); BA (Geog) Hons (UM); Dip in Edu (UM)

Bidang penyelidikan: Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan; Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia; Pembelajaran Dewasa



Prof Madya Dr. Syed Ismail Syed Mohamad
(syed.ismail@fpe.upsi.edu.my)

Ed.D Higher Education Leadership (NSU, Florida); MBA Acct (UUM); B.Acct (Hons) (UKM); Dip in Business Studies (UiTM); Cert. in Educ (MPT, KL)

Bidang penyelidikan: Perakaunan Kewangan; Pengauditan; Percukaian; Insuran; Perakaunan; Kaedah Pengajaran; Pendidikan Perakaunan; Pengurusan Pendidikan; Kepimpinan Pendidikan Tinggi.



Prof Madya Dr. Khalip Musa (khalip@fpe.upsi.edu.my)

Ed.D Edu Leadership (NSU, Florida); M.BA (UKM); BA. Hons (UM); Dip in Edu (UIAM)

Bidang penyelidikan: Kepimpinan Sekolah; Pengurusan Strategik; Sekolah Berkesan.



Prof Madya Dr. Tai Mei Kin (taimeikin@fpe.upsi.edu.my)

Ph.D Edu Management (UPSI); M.Ed (UIA); BA.Ed (History) Hons (USM); NPQH (IAB)

Bidang penyelidikan: Pengurusan Perubahan; Kepimpinan Pendidikan; Sekolah Berkesan; Komuniti Pembelajaran Profesional



Dr. Mohd Asri Mohd Noor (mohd.asri@fpe.upsi.edu.my)

Ed.D Learning, Leadership & Policy (Uni of Bristol, UK); M.Sc Edu Management (UUM); B.Ed (TESL) Hons (UKM)

Bidang penyelidikan: Dasar dan Praktis Pendidikan; Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan; Pendidikan Komparatif.



Dr. Kamarudin Musa (kamarudin@fpe.upsi.edu.my)

Ph.D Quality Mgmt (UKM); M.Edu (UKM); BA. Hons (UKM);
Dip in Edu (UiTM)

Bidang penyelidikan: Pengurusan Pendidikan; Pengurusan
Strategik; Pengurusan Kualiti; Politik; Pendidikan dan Dasar
Awam



Dr. Zahari Hashim (zahari@fpe.upsi.edu.my)

Ph.D Edu Admin (UKM); M.Sc Edu Admin (UPM); B.Econs
(Hons) (UKM);
Dip in Edu (UKM); Dip in Business Studies (UiTM)

Bidang penyelidikan: Pengurusan dan Pentadbiran
Pendidikan; Kaedah Pengajaran; Pengurusan Sekolah;
Sekolah Berkesan; Prestasi Sekolah



Dr. Mahaliza Mansor (mahaliza@fpe.upsi.edu.my)

Ph.D HRD (UPSI); M.Ed (UPSI); BBA (Uni of Western
Michigan, USA); Dip in Edu (USM)

Bidang penyelidikan: Pembangunan Sumber Manusia;
Pembelajaran Profesional; Pembelajaran Dewasa



Dr. Fanny Kho Chee Yuet (fannykcy@fpe.upsi.edu.my)

Ph.D Education Management (UPSI); M.Ed (OUM); B.Ed (TESL) Hons (OUM)

Bidang penyelidikan: Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan; Kepimpinan Guru; Tingkahlaku Pembangunan Kepimpinan; Kepimpinan Instruksional; Pengurusan Perubahan; Structural Equation Modeling



Dr. Rosnah Ishak (rosnah.ishak@fpe.upsi.edu.my)

Ph.D Edu Mgt (UM); M. Knowledge Mgt (UiTM); BSc. Human Development (UPM); Dip. Ed – KPLI (MPPPP)

Bidang penyelidikan: Pembelajaran Organisasi dan Organisasi Pembelajaran; Pengurusan Pengetahuan; Komunikasi Organisasi; Teknik Delphi



Dr. Maryam Mahdinezhad (maryam.m@fpe.upsi.edu.my)

Ph.D HRD (UPM); M.Sc Edu Management (Al-Zahra Uni, Tehran); BA. Edu Management (Shahid Behesti Uni, Tehran)

Bidang penyelidikan: Pembangunan Sumber Manusia; Kepimpinan Pendidikan; Pengurusan Pengetahuan; Pengurusan Pendidikan



En. Muhammad Khairuddin Lim Abdullah
(khairuddin@fpe.upsi.edu.my)

M.Sc (Management) (UM); B.Econs (Hons) (UKM); Dip in Edu (UKM)

Bidang penyelidikan: Pengurusan Perubahan; Pengurusan; Keusahawanan



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اونيورسيتي فنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Maklumat lanjut sila hubungi:

Penyelaras Program,

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia



(+6015) 4879 7780 / 7185 / 7739



(+605) 450 5482 / 5511 / 5480



(+6015) 4879 7295



<http://www.ips.upsi.edu.my>

<http://www.fpe.upsi.edu.my>